



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN**

**OLEH**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS “FLAG-OFF”INI WARISAN KITA:  
MISI SUKARELAWAN SISWA KE SARAWAK 2023**

**TARIKH:**

**03 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)**

**MASA:**

**3.00 PETANG**

**LOKASI:**

**D’MAJLIS, @THEACADEMY, DRB-HICOM LEARNING  
CENTER, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

## **SALUTASI**

*\*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur kita dapat berkumpul bersama pada petang ini dalam **Majlis Flag-Off Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sarawak 2023** dengan tema ‘Melestarikan Agenda Perpaduan Negara’.
  
2. Tahniah dan syabas kepada semua sukarelawan siswa yang telah terpilih untuk menyertai misi kali ini. Saya difahamkan bahawa misi ini akan melibatkan penyertaan seramai **95 orang sukarelawan siswa** termasuk 12 orang alumni bermula pada **3 hingga 16 November 2023** melibatkan enam (6) kawasan di Negeri Sarawak iaitu:
  - a) **Sungai Maong, Petrajaya;**
  - b) **Ng Machan, Kanowit;**
  - c) **Daha, Serian;**
  - d) **Ba’kelalan, Lawas;**
  - e) **Long Laput, Telang Usan; dan**
  - f) **Long Kevok, Telang Usan.**

3. Misi berimpak tinggi ini bertujuan untuk melahirkan pemimpin sukarelawan siswa di pentas global di samping menggalakkan penglibatan siswa dan komuniti setempat dalam aktiviti kesukarelawanan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **AGENDA PERPADUAN MELALUI KONSEP ‘IMMERSION & ‘RIGHT VOLUNTEERS FOR THE RIGHT JOB’**

4. Program yang berkonsepkan '*immersion*' dan '*right volunteers for the right job*' ini dilihat sangat bertepatan dengan hasrat Kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI yang menerapkan elemen “hormat” dan “ihsan” serta menjadikan warisan sebagai salah satu platform pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
5. KPN melalui YSS turut memainkan peranan penting dalam membawa agenda perpaduan melalui aktiviti kesukarelawanan. Tema "**Perpaduan melalui Kesukarelawanan**" telah dipilih sebagai gagasan utama YSS membangunkan mahasiswa yang holistik dan seimbang dalam melibatkan diri dalam aktiviti kebaikan sejagat.

6. Pelaksanaan program ‘Ini Warisan Kita’ merupakan salah satu inisitif di bawah flagship Kembara Perpaduan yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam usaha melestarikan perpaduan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang kepelbagaian khazanah warisan negara.
7. Pada tahun ini, YSS telah melaksanakan program ini di **Negeri Sabah pada 1 hingga 18 September 2023** yang lalu **melibatkan seramai 94 orang** Pemimpin Sukarelawan Siswa dari seluruh negara.
8. Pelaksanaan misi kesukarelawan akan diteruskan dan diperluas kepada negeri-negeri lain mulai tahun hadapan. **Tahun 2024, misi sukarelawan siswa akan turut diadakan di negeri Kedah dan Kelantan** yang juga kaya dengan kepelbagaian etnik seperti melayu, cina, india dan siam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **ENAM (6) PILAR KESUKARELAWANAN**

9. Saya turut difahamkan bawa enam (6) pilar kesukarelawan yang menjadi fokus misi ini iaitu;

- **perpaduan dan pemerkasaan komuniti,**
- **penambahbaikan pendidikan dan pembangunan kapasiti, kelestarian alam sekitar,**
- **program kesihatan,**
- **tranformasi digital**
- **mobilisasi impak sosial.**

10. Ia juga dilihat mampu mendorong masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan seperti membantu komuniti yang memerlukan, dan menyumbang kepada usaha amal sekaligus menjadi teras kepada pengukuhan integrasi nasional dalam pembangunan negara yang multietnik dan multibudaya.

11. Saya berharap agar **YSS memacu Malaysia menjadi hub dan negara contoh dalam kerja sukarelawan** kalangan rakyat berbilang kaum berteraskan gagasan Malaysia MADANI.

12. Bagi memastikan matlamat ini direalisasikan, saya bercadang agar YSS menganjurkan Konvensyen Sukarelawan Nasional 2024 bagi mengumpulkan semua sukarelawan yang aktif di Malaysia untuk berbincang mengenai hala tuju gerakan sukarelawan dalam kalangan rakyat dan generasi muda Malaysia

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **SARAWAK SIMBOL PERPADUAN DI MALAYSIA**

13. **Sarawak adalah model perpaduan kaum** di Malaysia dan jelas terpancar menerusi keharmonian rakyat dan kepelbagaiannya budaya yang membawa keindahan sebenar di Bumi Kenyalang.
14. Untuk makluman semua, Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) ditubuhkan di Sarawak pada tahun 2017. Unit ini memainkan peranan dalam pembentukan dasar, polisi dan perundungan berkaitan dengan keharmonian antara agama. **Konsep UNIFOR ini menjadi contoh kepada negara luar apabila kerajaan New Zealand mengiktiraf UNIFOR sebagai model pengurusan agama Islam di negara tersebut.**

15. Jelas keunikan Sarawak bukan sekadar seni dan tradisi mereka yang berwarna-warni, tetapi perpaduan kaum yang penuh harmoni. Perpaduan, semangat kemajuan dan keindahan bumi Kenyalang menjadi pemangkin ke arah Malaysia Madani dalam acuan masyarakatnya yang tersendiri.

## **PENUTUP**

16. Saya berharap agar pelaksanaan program ini dapat meningkatkan kefahaman para pelajar mengenai adat resam dan cara hidup masyarakat tempatan melalui aktiviti kesukarelawanan. Selain dapat meningkatkan pengalaman

***'feel good factor'***, program seumpama ini berupaya menyuntik semangat cinta kepada tanah air melalui penghayatan terhadap kepelbagaian khazanah yang kita warisi sejak turun temurun lagi.

17. Maka, pentingnya para pelajar Institusi Pendidikan Tinggi memainkan peranan dalam **menyemarakkan semangat perpaduan dan menyebarkan mesej perpaduan** kepada seluruh segmen masyarakat di Malaysia.

18. Akhir kata, selamat maju jaya kepada semua pelajar dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung dalam menjayakan misi ini. Semoga dipermudah segala urusan dan memperoleh pengalaman yang berharga, pergi dan balik dengan selamat.

Sekian, terima kasih.